

## BAB V PENUTUP

### A. Kesimpulan

Beberapa hal yang menarik menjadi kesimpulan dalam bahagian ini adalah:

- i. Kaedah pengajaran yang menjadi pegangan bagi para pengajar di sekolah-sekolah menengah di Kuching adalah dengan menggunakan kaedah pembentangan dan kaedah syarahan yang menggunakan peta minda. Ia sama-sama memberikan signifikansi yang penting bagi pengajaran para pelajar dengan syarat mendapat kerjasama yang erat antara pelajar dan pengajar.
- ii. Keberkesanan kaedah memberikan dua hasil iaitu hasil positif dan negatif. Hasil positif adalah kaedah-kaedah yang digunakan oleh para pengajar di sekolah-sekolah menengah di Kuching amat berkesan apabila dilihat dari hasil keputusan peperiksaan STPM para pelajar. Manakala yang negatif adalah kerana ketidakprihatinan para pelajar dalam pembelajaran sebelum dan selepas kelas padahal kedua-dua kaedah tersebut memerlukan pembelajaran tambahan di luar kelas.
- iii. Untuk melengkapkan pemahaman para pelajar, soalan pemahaman dalam apa jua bentuk harus diberikan

- kepada para pelajar untuk mengukur sejauh mana pemahaman para pelajar dalam menguasai kajian Tamadun Islam.
- iv. Kaedah dan strategi pembelajaran para pelajar pada dasarnya adalah sama. Cuma yang membezakan adalah para pelajar Non Muslim baik bumiputera dan Non Bumiputera harus melakukan kajian yang lebih komprehensif terhadap kajian Tamadun Islam dengan melakukan perbincangan, diskusi, dialog dan lain-lain lagi dengan rakan-rakan Muslim dan para pengajar.
  - v. Lingkungan atau persekitaran mempengaruhi metodologi pendidikan Tamadun Islam secara tidak langsung. Pengaruhnya bukan pada kaedah pengajaran oleh pengajar dan pembelajaran oleh pelajar tetapi pada pendekatan dan perspektif pelajar dan pengajar.
  - vi. Pendekatan yang digunakan oleh pengajar dan pelajar adalah pendekatan historis (bersifat naratif dan deskriptif) dan bukannya pendekatan tamadun (tematik)

## B. Saranan

Beberapa saranan yang harus dititikberatkan seperti berikut:

- i. Pengajar
  - a. Oleh kerana para pengajar kebanyakannya tidak mempunyai asas yang kukuh dalam Tamadun Islam

maka penulis menyarankan agar para pengajar dipilih berdasarkan kepada latar belakang pengajar yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Tamadun Islam dan latar belakang agama yang baik.

- b. Oleh kerana kedapatan pengajar yang terdiri daripada Non Muslim di sekolah menengah di Kuching maka penulis menyarankan agar para pengajar haruslah dipilih dikalangan Muslim kerana kajian Tamadun Islam harus dilihat dengan menggunakan perspektif Islam dan Non Muslim biasanya terbatas dalam melakukan intepretasi dan analisis fakta yang ada terutama yang menyangkut masalah konsep dan dogma seperti ayat al Quran dan al Sunnah.

ii. Pelajar

- a. Oleh kerana kebanyakan para pelajar di sekolah-sekolah menengah di Kuching tidak melakukan persiapan sebelum dan selepas pembelajaran untuk mengoptima kaedah pengajaran maka penulis menyarankan para pengajar dan ibubapa pelajar harus memastikan para pelajar dapat melakukan persiapan sebelum dan selepas kelas sebagai pemantapan pemahaman kajian Tamadun Islam. Ia merupakan kesinambungan kaedah pembentangan dan syarahan yang menggunakan peta minda dengan

mensyaratkan para pelajar harus melakukan persiapan semaksimal mungkin di luar kelas.

- b. Oleh kerana kebanyakan para pelajar Non Muslim (Bumiputera dan Non Bumiputera) tidak begitu memahami konsep Tamadun Islam maka penulis menyarankan agar mereka harus melakukan kajian Tamadun Islam dengan lebih komprehensif. Untuk itu para pelajar Non Muslim harus melakukan perbincangan dengan pelajar Muslim dan para pengajar.

iii. Kaedah

- a. Oleh kerana situasi dan kondisi sekolah yang berbeza daripada aspek persekitaran dan lingkungannya, penulis menyarankan agar pengajar harus menggunakan kaedah yang bersesuaian sejajar dengan situasi dan kondisi para pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan, agama dan etnik yang berbeza.
- b. Untuk pemantapan pengajaran, penulis menyarankan kaedah harus digabung bersama dengan elemen pengajaran lain seperti pemahaman (latihan, ujian dan sebagainya) dan lain-lain.

iv. Pendekatan

Oleh kerana pendekatan yang digunakan selama ini adalah pendekatan historis maka penulis menyarankan agar para pelajar dan pengajar dalam kajian Tamadun Islam menggunakan pendekatan Tamadun (Tematik) .

v. Perspektif

Oleh kerana perspektif yang sering berbeza antara satu sama lain maka penulis menyarankan agar para pelajar dan pengajar harus menggunakan perspektif kajian ilmiah yang terikat dengan objektif dalam menerangkan fakta yang ada dan subjektif ilmiah dalam melakukan intepretasi dan analisis supaya kajian Tamadun Islam adalah bersifat kompleks dan universal.